



BULETIN KPPKKSM

<http://www.kppkksm.org.my>

email: ibupejabat@kppkksm.org.my

PERJALANAN PEGAWAI IBUPEJABAT SEPANJANG MENERAJUI KESATUAN

No 324 Jalan Kelab 83000 Batu Pahat Johor

Tel / Fax: 07.4151184 Hotline: 012-7282369

Suara KPPKKSM edisi 2017

CARTA ORGANISASI KPPKKSM



Barisan EXCO Kesatuan Pemandu-Pemandu Kementerian Kesihatan Semenanjung Malaysia



BARISAN IBUPEJABAT KPPKKSM 2017

Dari Kiri:

EN SYED AMRAN (Penolong Bendahari Agung) EN RAHIM (Penolong Setiausaha Agung) EN RAHMAT (Naib Presiden) EN SHAMSUDDIN, (Presiden) EN ROESTAM (Setiausaha Agung) TN HJ IDRUS (Bendahari Agung)

VISI

Menjadi Organisasi yang bertanggungjawab , berkesan dalam merealisasikan pergerakan dan perjalanan Kesatuan serta Takbir urus Kesatuan ke arah Kecemerlengkan.

MISI

Memastikan setiap pergerakan Kesatuan sentiasa mengikut perlembagaan Kesatuan dan Akta Kesatuan sekerja dalam memikul Amanah yang diberi, terus dalam setiap keputusan yang dibuat , Ikhlas dalam menjaga kepentingan Kesatuan dan Kebajikan ahli-ahli.

IKRAR PEMANDU KKM

BAHAWA KAMI PEMANDU-PEMANDU DI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA DENGAN INI BERIKRAR ;

1. AKAN MELAKSANAKAN TUGAS TANGGUN JAWAB KAMI DENGAN AMANAH, TELUS DAN IKHLAS.
2. SENTIASA MENGUTAMAKAN SEMANGAT KERJA KERJA BERPASUKAN BAGI MELAKSANAKAN DASAR-DASAR KERAJAAN DENGAN PENYAYANG, BEKERJA BERPASUKAN DAN PROFESIONALISMA.
3. BERTEKAD DAN BERUSAHA UNTUK MENINGKATKAN KENMAHIRAN DAN KEPAKARAN YANG DIPERLUKAN OLEH PROFESION KAMI.
4. BERUSAHA UNTUK MENGADAKAN INOVASI YANG BERTERUSAN DEMI UNTUK MENINGKATKAN AKAUNTABILITI, PRODUKTIVITI DAN INTERGRITI KEPADA SEMUA PEMANDU, DAN
5. MENGAMALKAN NILAI-NILAI ETIKA PERKHIDMATAN AWAM, PERATURAN-PERATURAN KERAJAAN DAN BERPEGANG TEGUH KEPADA AJARAN AGAMA.



BERITA

Kesatuan Pemandu-Pemandu Kementerian Kesihatan Semenanjung Malaysia

UCAPAN PEGAWAI TERTINGGI CUEPACS

Suara KPPKKSM edisi 2017

PRESIDEN CUEPACS

YBhg DATUK HJ AZIH BIN MUDA Kongres
Kesatuan Pekerja-pekerja didalam Perkhid-
matan Awam (CUEPACS)



Assalamualaikum warahamatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Segala puji hanya bagi Allah Azza Wa Jalla. Selawat dan salam ke atas Rasulullah, Nabi yang membawa rahmat kepada seluruh alam. Selawat dan salam juga ke atas ahli keluarga baginda, para sahabat dan semua yang mengikuti jejak-jejak mereka hingga hari kiamat. Alhamdulillah, pertamanya sekali saya mengucapkan "Syukran Jazilan" (Terima Kasih) yang tidak terhingga kepada Kesatuan Pemandu-Pemandu Kementerian Kesihatan Semenanjung Malaysia kerana dengan keizinan-Nya Suara KPPKKSM bagi Edisi 2017-2019 dapat diterbitkan. Dengan terbitnya majalah ini, KPPKKSM dapat menyampaikan maklumat kepada ahli dengan lebih baik, efisien dan tersusun.

Dalam hubungan ini, saya amat mengalui-alukan setiap ahli KPPKKSM untuk bersama-sama menyumbang idea, atau memberi kritikan yang membina, mahupun menyumbang apa juu bentuk kerjasama bagi menjayakan aktiviti dan perkhidmatan di kalangan pemandu. Meskipun perkhidmatan KPPKKSM adalah dipertanggungjawabkan kepada setiap ahli Jawatankuasa Kecil untuk mengurus bidang tugas masing-masing dengan sebaik mungkin, setiap sumbangan idea yang berasas daripada ahli akan dapat dimanfaatkan dalam usaha kita untuk memastikan KPPKKSM terkenal sebagai pemandu yang sangat berkaliber dan bertanggungjawab dalam perkhidmatannya di seluruh Malaysia.

Saya berharap kesatuan ini menjadi salah satu kesatuan yang menjaga kebijakan ahlinya dan menyumbang ke arah kecemerlangan perkhidmatannya. Namun perkara ini tidak akan tercapai jika tidak didokong dan disokong bersama-sama dikalangan ahli Jawatankuasa serta ahli-ahli kesatuan. Tanpa sokongan ahli, pasti sukar untuk kita bersama-sama meningkatkan usaha menjadikan KPPKKSM sebuah kesatuan yang disukai dan disegani. Saya sentiasa meletakkan harapan yang tinggi untuk KPPKKSM sentiasa menjadi sebutan ramai sebagai kesatuan yang boleh diteladani atau ditanda aras oleh lain-lain kesatuan di negara ini, dalam pelbagai aspek.

Cabar yang dihadapi oleh kesatuan ini amat besar, tambahan dengan tuntutan dan kehendak sama ada di peringkat majikan dan pekerja dalam sektor kerajaan. Oleh itu, KPPKKSM perlu bersedia, bersama dan terkehadapan dalam menghadapi perkara-perkara tersebut.

Akhir kata, semoga KPPKKSM dapat menjadi platform untuk kita semua menjalinkan hubungan serta kerjasama yang erat di antara satu sama lain. Gunakanlah peluang ini dengan sebaik mungkin untuk berkongsi dan bertukar pengalaman serta pengetahuan di samping dapat memperkuuhkan silaturahim dan semangat permuafakatan sesama ahli demi kepentingan bersama.

Sekian, terima kasih.

YBHG. DATUK HAJI AZIH BIN MUDA, PJN., DPSM., JMW., PPN., PJK., PLB
Presiden CUEPACS

SETIAUSAHA AGUNG CUEPACS

YBrs TUAN HJ ADNAN BIN MAT Kongres
Kesatuan Pekerja-pekerja didalam Perkhid-
matan Awam (CUEPACS)



Assalammualaikum w.b.t dan salam sejahtera saya ucapan. Terlebih dahulu saya ingin memanjatkan syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan keizinan-Nya, Suara KPPKKSM Edisi 2015 – 2017 dapat diterbitkan. Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kesatuan Pemandu-Pemandu Kementerian Kesihatan Semenanjung Malaysia kerana berjaya menerbitkan edisi kali ini.

Seringkali diwar-warkan negara akan mencapai status negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Justeru, adalah amat penting bagi semua sektor pekerjaan untuk memberikan yang terbaik dalam perkhidmatan yang diberikan. Saya percaya Kesatuan Pemandu-Pemandu Kementerian Kesihatan Semenanjung Malaysia (KPPKKSM) juga telah memberikan komitmen yang tinggi di dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada orang awam. Hal ini telah menaikkan imej penjawat awam khususnya dan imej Pemandu-pemandu Kementerian Kesihatan amnya.

Di dalam era globalisasi yang semakin mencabar ini, terdapat segelintir pihak yang suka mencari kesalahan penjawat awam untuk ditularkan dalam media sosial. Justeru itu, penjawat awam terutama ahli Kesatuan Pemandu-Pemandu Kementerian Kesihatan Semenanjung Malaysia juga perlu bijak menyesuaikan diri dengan pembaharuan dunia moden dan sentiasa relevan dalam meningkatkan produktiviti, kecekapan dan mutu perkhidmatan.

Akhir kata, marilah sama-sama kita rapatkan barisan, merencanakan masa depan KPPKKSM agar dapat kita terus memberi sumbangan yang penuh bermakna serta menyokong hasrat Negara yang bersifat menyeluruh, progresif, bermoral dan beretika selain berpengetahuan dan berkemahiran melalui organisasi yang kita cintai selaras dengan visi KPPKKSM iaitu "Menjadi organisasi yang bertanggungjawab dan berkesan dalam merealisasikan pergerakan dan perjalanan kesatuan serta urus tadbir kesatuan ke arah kecemerlangan".



BERITA

Kesatuan Pemandu-Pemandu Kementerian Kesihatan Semenanjung Malaysia

MEMOENDUM DALAMAN & SIJIL KESATUAN PEMANDU

Suara KPPKSM edisi 2017

MEMORENDUM



IBU PEJABAT
KESATUAN PEMANDU-PEMANDU
KEMENTERIAN KESIHATAN SEMENANJUNG MALAYSIA (KPPKSM)
(No. Pendaftaran 382)

324, Jalan Kelab, 83000 Batu Pahat, Johor.

Laman web : <http://www.kppksm.org.my> Telefon / Faksimili : (07)4151184
e-mail : ibupejabat@kppksm.org.my Telefon Bimbit : (012)7282369
kppksm@yahoo.com

MEMO DALAMAN

MESYUARAT EXCO BILANGAN 4 SESI 2017 – 2020 KESATUAN PEMANDU-PEMANDU
KEMENTERIAN KESIHATAN SEMENANJUNG MALAYSIA

12 OGOS 2017

HOSPITAL SULTAN HAJI AHMAD SHAH, TEMERLOH, PAHANG DARUL MAKMUR

1. TUNTUTAN KEMASUKAN WAD / KEMATIAN / PESARA HENDAKLAH DITUNTUT DALAM TEMPOH 6 BULAN. UNTUK PESARA WALAUPUN SESEORANG AHLI ITU TELAH BERSARA, PESARA ITU LAYAK UNTUK MENUNTUT SUMBANGAN PESARAAN SEPERTIMANA YANG TELAH DILULUSKAN DIDALAM PERSIDANGAN PERWAKILAN.
2. PEMODENAN PERKHIDMATAN RAWATAN PRA HOSPITAL DAN AMBULANS DI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA MENUMPUPKA PENINGKATAN SKIM PERKHIDMATAN PEMANDU DAN BUKANNYA PEMANDUAN KENDERAAN / AMBULANS OLEH PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN.
3. AHLI-AHLI DI NASIHATKAN SUPAYA TIDAK MEMBUAT SEBABARANG PROVOKASI / SPEKULASI APA-APA PERKARA YANG MELIBATKAN SKIM PERKHIDMATAN DAN SKOP TUGAS DI MEDIA-MEDIA SOSIAL DAN MEMATUHI PERATURAN SEMASA SERTA TIDAK MELANGGAR PERATURAN ATAU PERLEMBAGAAN KESATUAN.
4. SETIAP ADUAN BAGI SEBABARANG PERTIKAIAN MELIBATKAN KETUA JABATAN / KETUA UNIT / PENYELIA HENDAKLAH MENGEMUKAKAN LAPORAN BERTULIS KEPADA SETIAUSAHA CAWANGAN UNTUK TINDAKAN DALAMAN DAN SEKIRANYA TIDAK DAPAT DISELESAIKAN DIPERINGKAT CAWANGAN PERKARA TERSEBUT HENDAKLAH DIRUJK KEPADA SETIAUSAHA AGUNG UNTUK TINDAKAN PIHAK IBUPEJABAT.
5. AHLI-AHLI DI NASIHATKAN SENTIASA MENJAGA KETERAMPILAN DIRI BAGI MENJAGA IMEJ PROFESION DAN MENGAMALKAN SIKAP TOLENASI DAN INTEGRITI BAGI MENINGKATKAN PRODUKTIVITI (REBRENDING) BAGI MELAHIRKAN PEMANDU YANG BERPRESTASI TINGGI. (PAKAIAN SERAGAM DAN KASUT) MENGIKUT GARISPANDUAN DAN PERATURAN SEMASA.
6. PEMANGKUAN KENAikan PANGKAT H 14 / H 16 / H 18 SECARA FLEKSIBLE KENAikan PANGKAT TIDAK MELIBATKAN PERTUKARAN. KEUTAMAAN KEPADA AHLI-AHLI KESATUAN DAN MENGIKUT SENIORITY SELAIN DARIPADA LNPT DAN AKADEMIK PENGALAMAN TUGAS AKAN DIAMBIL KIRA DALAM PEMANGKUAN KENAikan PANGKAT.
7. PIHAK KESATUAN AKAN MEMOHON KEPADA JPA DAN KEMENTERIAN MELALUI MAJLIS BERSAMA KEBANGSAAN DAN CUEPACS SUPAYA UJUDKAN POST PEMANGKUAN GRED H 14 DI SEMUA PTJ DI KKM SELAIN PENGISIAN H 16 DAN H 18 DAPAT DI ISI MENGIKUT NISBH DAN KEPERLUAN SEMASA.
8. PIHAK KESATUAN AKAN MENGEMUKAKAN CADANGAN KEPADA PIHAK KEMENTERIAN AGAR LATIHAN DAN KURSUS PEMANDU AKAN DI TINGKATKAN DAN DI URUS TADBIR OLEH BAHRAGAN PENGURUSAN LATIHAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA SECARA BERPERINGKAT KERANA PELBAGAI GARIS PANDUAN DAN LATIHAN PEMANDU DI PERINGKAT JABATAN GAGAL DI LAKSANAKAN KERANA KEKANGAN KEWANGAN.
9. PIHAK KESATUAN AKAN MENGEMUKAKAN CADANGAN SUPAYA DI UJUDKAN SATU UNIT PENGANGKUTAN DI SEMUA PTJ BAGI MEMUDAHKAN URUSAN TUGASAN / PENYELENGGARAAN / KENAikan PANGKAT / KURSUS DAN LATIHAN SERTA PEMANTAUAN DAN PENGUATKUASAAN YANG DI SELIA SEPENUHNYA OLEH PEGAWAI YANG MEMPUNYAI KELAYAKAN YANG DI IKHTIRAF SETARAFNYA OLEH KERAJAAN.
10. DALAM MENINGKATKAN KUALITI PERKHIDMATAN PEMANDU PIHAK KESATUAN AKAN MEMOHON DISEMUA PTJ DAPAT MENYEDIAKAN BILIK OPERASI PEMANDU YANG DI LENGKAPI DENGAN RUANG REHAT / ALAT KOMUNIKASI / KOMPUTER DAN KELENGKAPAN-KELENGKAPAN PEJABAT YANG BERSESUASAN UNTUK MENGUJUDKAN SUASANA KERJA YANG HARMONI DAN KESERONOKAN BEKERJA DI KALANGAN PEMANDU-PEMANDU. BILIK OPERASI PEMANDU HENDAKLAH BERHAMPIRAN DENGAN DEPOH KENDERAAN

SIJIL KESATUAN PEMANDU

1

Ref :RTU(D).455/6.

SALINAN

FORM D

TRADE UNION ORDINANCE, 1959

CERTIFICATE OF REGISTRATION

(Section 13 and Regulation 7)

IT IS HEREBY CERTIFIED

that the

UNION OF GOVERNMENT HEALTH AND MEDICAL DRIVERS

has this day been registered as a trade union under section 12(1) of the Trade Unions Ordinance, 1959 and that its registration number is 382.

Given under my hand this 26 day of November, 1964

SALINAN DIAKUI SAH DARIPADA
DOKUMEN ASAL

(MOHD ZUBIR BIN MOHD BASRI)
Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja
Malaysia

tt
(K.G. GEORGE)
Registrar of Trade Unions,
Federation of Malaya

(Borang ini diterjemahkan oleh Pegawai Negara Malaysia menurut Pemberitahuan Undangan No. 12 tahun 1964, PN. 3630/3-X, KB. 42/67.)

Salinan diakui sah daripada
dokumen asal
ROSLEE SAMARUDIN ABU
Pengarah Kanan
Tanggung Peroperasi Kesatuan Sekerja
Malaysia

2

Dengan ini adalah diperakui bahawa nama kesatuan sekera tersebut di atas telah diubah kepada KESATUAN PEMANDU-PEMANDU KEMENTERIAN KESIHATAN SEMENANJUNG MALAYSIA pada 14 Ogos 2007.

(MOHD ZUBIR BIN MOHD BASRI)
Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja
Malaysia

BERITA

Kesatuan Pemandu-Pemandu Kementerian Kesihatan Semenanjung Malaysia

UCAPAN PEGAWAI TERTINGGI IBUPEJABAT

Suara KPPKKSM edisi 2017

ISI KANDUNGAN

1. CARTA ORGANISASI KPPKKSM.
2. VISI & MISI.
3. IKRAR PEMANDU KKM.
4. IKRAR PEMANDU.
5. UCAPAN PRESIDEN & SETIAUSAHA AGUNG (CUEPACS)
6. MEMORENDUM & SIJIL KESATUAN.
7. DARI LIDAH PENGARANG.
8. PEGAWAI TERTINGGI IBUPEJABAT.
9. UCAPAN PRESIDEN.
10. UCAPAN PENGERUSI CAWANGAN.
11. AKTIVITI KESATUAN DARI TAHUN 2015 , 2016 & 2017.
12. MENZIARAHİ AHLİ YANG SAKIT
13. PENCAPAIAN & KEJAYAAN KPPKKSM SEJAK . TAHUN 2012.

DARI LIDAH PENGARANG

Lidah Pengarang

Assalamualaikum dan salam sejahtera,



Saya mulai bincara ini dengan lafas kesyukuran yang tidak terhingga kehadiran Allah SWT atas kurniaan-Nya mengizinkan Suara KPPKKSM edisi pertama 2017 ini. Secara keseluruhannya prestasi pencapaian KPPKKSM memperlihatkan satu perkembangan yang positif dalam menaikkan taraf perjawatan pemandu kenderaan dan menjaga kebaikan ahli-ahli. KPPKKSM akan terus konsisten dalam mentadbir urus kesatuan. Kita akui dua tiga tahun kebelakangan ini perjalanan kesatuan sedikit terjejas, namun dengan barisan kepimpinan yang sedia ada ini telah banyak memperlihatkan potensi yang konsisten dalam daya saing yang positif dan terus mengorak langkah ke hadapan dalam memajuKPPKKSM.

Kita akui Tahun 2017 adalah tahun dimana arus ekonomi yang tidak menentu dan sedikit sebanyak menjadikan kos sara hidup kita. Justeru itu, pihak kesatuan melalui kesatuan gabungan yang diterajui oleh Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja DiDalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) akan sentiasa berusaha untuk menjaga kebaikan penjawat awam yang berpendapatan rendah. KPPKKSM akan kekal focus untuk meningkatkan produktiviti, dan memperbaiki kelemahan-kelemahan serta dalam masa yang sama akan mengukuhkan perpaduan ahli-ahli bagi menjamin KPPKKSM akan terus kekal relevan dimasa-masa akan datang.

*Akhirnya, marilah kita mendoakan KPPKKSM terus maju jaya serta mendapat keberkatan dari Allah SWT.
:-Setiausaha Agung Roestam Dzahar*

BERITA

Kesatuan Pemandu-Pemandu Kementerian Kesihatan Semenanjung Malaysia

UCAPAN PEGAWAI TERTINGGI IBUPEJABAT

Suara KPPKKSM edisi 2017

PRESIDEN

Ucapan Presiden

Assalamualaikum,Salam Sejahtera,
Bismillahirrahmanirahim...

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim.... Saya sebagai Presiden Kesatuan Pemandu-Pemandu Kementerian Kesihatan Semenanjung Malaysia ingin menzahirkan ucapan jutaan terima kasih dan penghargaan ini kepada semua Pegawai Ibupejabat, Barisan Exco dan Ahli Jawatankuasanya serta Ahli-Ahli kesatuan yang sentiasa memberi sokongan dan kerjasama yang baik dalam memajukan kesatuan.

Muafakat Membawa Berkata itulah ungkapan yang mendorong kejayaan kesatuan dalam memastikan kebajikan dan masa depan ahli-ahli terus terbelia. Kepimpinan yang sedia ada telah banyak membawa perubahan dalam tadbir urus kesatuan dan sentiasa peka dalam menangani setiap permasalahan yang berlaku di peringkat akar umbi.

Kesatuan ini telah menjangkau 52 Tahun penubuhannya. ‘ Patah Tumbuh Hilang Berganti’ Tiada yang lama Tiadalah yang baharu. Kesatuan Keramat ini hendaklah diperlihara dengan baik. Ini adalah amanah dan tanggungjawab kita bersama.

Akhirkalam... Marilah Kita Bersama Bergandung Bahu Dalam Bersama-sama Memastikan Perjawatan Kita Terus Mendapat Pembelaan Demi Masa Depan Kita Semua Yang Lebih Baik Dan Terjamin. Buangkanlah Rasa Sikap Hasad Dengki Dan Menghasut Yang Akhirnya Membuatkan Kita Berpecah Belah Dan Merugikan Kita Semua.

Amanah.Telus.Ikhlas



NAIB PRESIDEN

Ucapan Naib Presiden

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Saya Rahmat bin Abu Samah, Naib Presiden KPPKKSM ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua barisan ibupejabat, barisan Exco dan ahli-ahli yang selama ini memberikan kerjasama erat dalam memajukan kesatuan.

Syukur ke hadarat Allah SWT dengan limpah kurnia Nya KPPKKSM telah berusia 52 Tahun penubuhannya. Banyak perubahan telah berlaku berbanding dua tiga tahun sebelum ini. Inilah berkat usaha bersama dalam memperjuangkan hak ahli-ahli dan memberi lebih tumpuan kepada kebajikan ahli-ahli.

Semoga usaha ini dapat diteruskan dan dapat menaik taraf skim perkhidmatan pemandu dengan lebih baik.

Akhirkata daripada saya marilah bersama-sama kita berganding bahu dalam usaha kita bermuafakat meningkatkan perpaduan sesame kita dalam memartabatkan KPPKKSM ini terus kekal relevan demi kebaikan kita bersama yang akan memberi faedah kepada seluruh ahlinya.

Wassalam...



BERITA

Kesatuan Pemandu-Pemandu Kementerian Kesihatan Semenanjung Malaysia

UCAPAN PEGAWAI TERTINGGI IBUPEJABAT

Suara KPPKKSM edisi 2017



SETIAUSAHA AGUNG

Ucapan

Setiausaha Agung

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani, Selawat dan Salam Kepada Nabi Muhammad SAW.

Assalamualaikum...

Salam Muafakat KPPKKSM,

Salam KPPKKSM Di Hati Ku.

Syukur, Alhamdulillah.... Dengan IzinNya KPPKKSM telah menjangkau 52 Tahun penubuhannya. Perubahan demi perubahan telah dilakukan. Pelbagai dugaan dan rintangan di lalui dalam memastikan KPPKKSM terus relevan sehingga ke hari ini. Kejayaan ini adalah milik kita bersama. Kesatuan Keramat ini adalah milik kita bersama. Muafakat Itu Berkat. Berkat itu adalah usaha bersama dalam memartabatkan KPPKKSM. Kebajikan ahli-ahli dipertingkatkan, pencapaian di Utamakan. Saya menyeru kepada semua pihak agar terus bersama berusaha mengembangkan tenaga dan berusaha dalam memberi idea-idea untuk meningkatkan taraf perjawatan kita dan sentiasa memberi khidmat bakti yang cemerlang kepada sesiaoa sahaja yang memerlukan khidmat kita. Saya menzahirkan ucapan ribuan terima kasih dan penghargaan ini kepada pucuk pimpinan KPPKKSM Tuan Presiden dan semua Barisan Pegawai Ibupejabat dan Barisan Exco yang telah banyak memberi teguran dan tunjuk ajar dalam memastikan tadbir urus kesatuan sentiasa berada ditahap yang terbaik. Tidak lupa juga kepada ahli-ahli yang selama ini memberi kepercayaan kepada kepimpinan kesatuan dalam memperjuangkan nasib ahli-ahli KPPKKSM.

Saya yang menjalankan tugas,
Setiausaha Agung

PENOLONG SETIAUSAHA AGUNG

Bismillahirrahmanirrahim ,Salam sejahtera, Salam kppkksm dihatiku.

Bersyukur kepada maha pencipta yang telah menganugerahkan kita semua ahli ahli KPPKKSM kesihatan yang baik .jiwa yang kental dalam mengharungi liku-liku membangunkan Kesatuan Pemandu-Pemandu Kementerian Kesihatan Semenanjung Malaysia untuk pergi lebih jauh lagi setanding dengan Kesatuan-Kesatuan yang lain. Saya bagi pihak Khidmat Pengurusan KPPKKSM sentiasa mendoakan yang terbaik dan sentiasa berusaha gigih untuk terus ke hadapan sebagaimana yang telah diamanahkan kepada saya.Sokongan dari tuan-tuan juga selaku ahli KPPKKSM sangat diharapkan untuk memantapkan lagi kesatuan kita. BAK KATA PEPATAH ,BERSATU TEGUH,BERCERAI RO-BOH. BERAT SAMA DIPIKUL,RINGAN SAMA DIJINJING Bersamalah kita menjaga imej kita sebagai Pemandu Kenderaan Kementerian Kesihatan Malaysia.Janganlah Disebabkan "Nila Setitik,Rosak Su-su Sebelanga"



Sekian.

Abdul Rahim b. Hashim PENOLONG SETIAUSAHA AGUNG KPPKKSM.

BERITA

Kesatuan Pemandu-Pemandu Kementerian Kesihatan Semenanjung Malaysia

UCAPAN PEGAWAI TERTINGGI IBUPEJABAT

Suara KPPKKSM edisi 2017

BENDAHARI AGUNG

Assalamualaikum wbt, Salam KPPKKSM Dihatiku

Kepada semua rakan-rakan saya pemandu-pemandu di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia.

Pertama-tama sekali saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana anda sudi meluangkan masa untuk membaca sedikit coretan daripada saya. Saya mengharapkan anda semua dalam keadaan sihat dan bahagia hendaknya. Untuk makluman semua kesatuan pemandu telah melebihi 50 tahun penubuhannya, pemimpin datang dan pergi silih berganti. Walaupun berbagai-bagai dugaan dan permasalahan datang silih berganti namun berkat ketabahan, kesabaran, kecekalan dan kerjasama pemimpin-pemimpin yang ada dan dibantu oleh ahli jawatankuasa cawangan-cawangan dan sokongan ahli-ahli semua kita berjaya membawa kesatuan kita ke tahap yang disegani. Pihak kementerian kesihatan juga menaruh harapan agar hubungan antara kesatuan pemandu dengan kementerian kesihatan terus terjalin kukuh dan mesra. Bahkan wakil pemandu dijemput memberi pandangan sebelum pekeliling perkhidmatan dikuatkuasakan dan memdapat sokongan pihak-pihak yang lain. Mungkin ada pihak-pihak tertentu tidak senang dengan kejayaan yang kita kecapai sekarang, walau bagaimanapun kita perlu bertindak dengan cara bijaksana dan berpasukan. Tahun ini merupakan tahun pemilihan pegawai-pegawai untuk ibupejabat dan cawangan-cawangan bagi tempoh 2017-2020. Pilihlah yang boleh memikul tanggungjawab. Saya berharap kesatuan kita terus maju dan berjaya. Kepada sahabat-sahabat saya yang akan bersara dan yang telah bersara semoga anda semua berada didalam keadaan sihat dan bahagia bersama keluarga tercinta.



Sekian terima kasih. Bendahari Agung KPPKKSM

PENOLONG BENDAHARI AGUNG



Ucapan Penolong Bendahari Agung
Assalamualaikum,
Bismillahirrahmanirahim...

Saya Syed Nor Amran bin Syed Hussin Penolong Bendahari Agung Kesatuan Pemandu-Pemandu Kementerian Kesihatan Semenanjung Malaysia ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Pegawai Kanan Kesatuan, Barisan Pegawai Cawangan dan AJK serta ahli-ahli KPPKKSM yang selama ini telah memberi kepercayaan kepada kepimpinan kesatuan sekarang ini yang telah memberikan khidmat bakti dalam mmajukan kesatuan.

Tanpa kerjasama semua pihak kesatuan ini tidak mungkin dapat bertahan sehingga 52 Tahun. Kesepakatan dalam menerajui kesatuan telah memberi banyak impak yang mamberi faedah kepada seluruh ahli-ahli KPPKKSM.

Namun masih banyak yang perlu diperbaiki dan ditambahbaik bagi memastikan perjawatan Pemandu Kenderaan dapat ditingkatkan dalam mengimbangi pendapatan setara dengan kos kehidupan ketika ini.

Akhirkata dari saya, marilah menuju kejayaan, bersama-sama kita berusaha dalam memartabatkan KPPKKSM.

BERITA

Kesatuan Pemandu-Pemandu Kementerian Kesihatan Semenanjung Malaysia

UCAPAN PENGERUSI NEGERI

Suara KPPKKSM edisi 2017



PENGERUSI CAWANGAN NEGERI PAHANG

Assalamualaikum wbt,Salam kppkksm di hatiku,

Saya Uyop b. Abdul Ghani Pengerusi Kesatuan Pemandu-Pemandu Kementerian Kesihatan Semenanjung Malaysia Cawangan Negeri PAHANG.Dengan ini ingin merakamkan jutaan terima kasih dan tahniah kepada semua kepimpinan barisan Ibupejabat diatas segala usaha keras selama ini memperjuangkan dan memartabatkan KPPKKSM.Saya juga merakamkan jutaan terima kasih kepada semua ahli ahli KPPKKSM yang memberi sokongan yang tidak berbelah bahagi kepada barisan kepimpinan Ibupejabat.Saya mewakili ahli ahli KPPKKSM cawangan PAHANG mengucapkan ribuan terima kasih kepada barisan Ibupejabat yang tidak pernah jemu memperjuangkan hal-hal kesatuan.Saya dan ahli cawangan PAHANG tetap menyokong dan berdiri teguh dibelakang kepimpinan barisan Ibupejabat yang ada sekarang.

Sekian Terima Kasih.

PENGERUSI CAWANGAN NEGERI JOHOR

Assalamualaikum...Dengan nama Allah yang maha pemurah lagi maha penyanyang..



Pertamanya ingin saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua ahli kesatuan pemandu yang sekali lagi memberi kepercayaan kepada saya untuk terus menerajui kesatuan ini sebagai Pengerusi Cawangan Negeri Johor.Walau bagaimanapun usaha kejayaan ini tidak akan berhasil tanpa kerjasama dan bantuan ahli-ahli yang lain.

Saya juga bersyukur dengan kejayaan kesatuan kita di mana kesatuan kita telah berjaya mempertabatkan jawatan pemandu dikalangan penjawat awam.Pihak ibupejabat juga telah banyak memperjuangkan nasib ahli ahli semua.Kejayaan kita hari ini adalah perjuangan kita bersama.Kami amat berharap agar bilangan keahlian akan bertambah dari semasa ke semasa.Ini akan dapat memantapkan barisan kita untuk kita terus bergerak dan berjuang.Umpama kata pepatah "Bersatu Kita Teguh Bercerai Kita Roboh".

Pengerusi KPPKKSM Cawangan JOHOR.



PENGERUSI CAWANGAN NEGERI KELANTAN

Assalamualaikum swt, Salam sehati sejiwa.

Saya Ghazali b. Dollah (Pokli) Pengerusi Kesatuan Pemandu-Pemandu Kementerian Kesihatan Semenanjung Malaysia Cawangan Negeri Kelantan.Dengan ini saya merakamkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga dan sekalung tahniah kepada Kepimpinan Barisan Ibupejabat di atas usaha yang tidak terhingga selama ini yang mana memperjuangkan nasib ahli ahli kesatuan ke satu tahap yang lebih tinggi.Saya juga mengucapkan berbanyak banyak terima kasih kepada semua barisan exco exco yang sentiasa memberi pandangan dan cadangan kepada barisan ibupejabat untuk di bawa ke CUEPACS dan JPA.Saya selaku Pengerusi Cawangan Negeri Kelantan dan ahli ahli berikrar akan berdiri teguh di belakang barisan Ibupejabat KPPKKSM. Kepimpinan KPPKKSM cawangan Negeri Kelantan serta ahli ahli mengalau alukan kehadiran para Perwakilan ke Negeri Kelantan sempena Mesyuarat Agung Tri Tahunan KPPKKSM sesi 2017-2020 di Pusat Latihan Hospital Tumpat pada 6-8 Oktober 2017.

Sekian terima kasih.Pengerusi KPPKKSM Cawangan Kelantan.

BERITA

Kesatuan Pemandu-Pemandu Kementerian Kesihatan Semenanjung Malaysia

UCAPAN PENGURUSI NEGERI

Suara KPPKKSM edisi 2017



PENGURUSI CAWANGAN NEGERI KEDAH

ASSALAMUALAIKUM DAN SALAM SEJAHTERA

SAYA NOORHIRMAN BIN HAJI SAMSUDIN SEBAGAI PENGURUSI KPPKKSM CAWANGAN KEDAH ,MENGUCAPKAN JUTAAN TERIMA KASIH YANG TIDAK TERHINGGA KEPADA BARISAN KEPIMPINAN IBUPEJABAT KPPKKSM YANG TIDAK PERNAH MENGENAL ERTI PENAT LELAH DALAM MEMPERJUANGKAN DAN MEMARTABATKAN KPPKKSM.TIDAK DILUPAKAN JUGA KEPADA BARISAN AHLI JAWATANKUASA DAN AHLI-AHLI KPPKKSM CAWANGAN KEDAH YANG TELAH BANYAK MEMBERI DORONGAN DAN SEMANGAT KEPADA SAYA UNTUK MENJALANKAN AMANAH YANG TELAH DIBERIKANINI.DENGAN SEMANGAT DAN DORONGAN SERTA KEPERCAYAAN YANG TELAH DIBERIKAN KEPADA SAYA OLEH SELURUH AHLI KPPKKSM KEDAH UNTUK MEMBELA DAN TERUS MEMPERJUANGKAN HAK-HAK AHLI DAN MENJAGA KEBAJIKAN SEMUA AHLI BAGAI MEMBERI SATU KEKUATAN KEPADA DIRI INI UNTUK TERUS BERKHIDMAT WALAUPUN DILANDA COBAAN DAN DUGAAN YANG DATANG MENGHALANG.

SEKIAN TERIMA KASIH

PENGURUSI CAWANGAN NEGERI PERLIS

Assalamualaikum,Salam Sejahtera,Salam Perpaduan.



Saya Shurizan b.Hamid selaku Pengurus KPPKKSM Caw. Perlis mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada pucuk pimpinan dan barisan ibupejabat yang tidak pernah rasa penat dan jemu dalam memperjuangkan nasib pemandu-pemandu untuk memertabatkan jawatan pemandu setaraf dengan penjawat awam yang lain malah disegani oleh mereka.Di kesempatan ini saya juga menzahirkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada barisan ibupejabat dalam membantu menaikkan kembali nama cawangan Perlis untuk terus kembali aktif bersama-sama cawangan Negeri yang lain.Kita langkah seiring bersama.Dan tidak lupa juga saya ucapkan terima kasih kepada ahli ahli cawangan Perlis yang memberi kepercayaan lagi kepada saya untuk menerajui anda semua.

Akhir sekali kami ahli ahli cawangan Perlis akan tetap memberi sokongan padu kepada barisan ibupejabat dalam apa jua keadaandemi memajukan kesatuan ini.

Sekian, KPPKKSM Cawangan Perlis.

PENGURUSI CAWANGAN NEGERI TERENGGANU



Assalamualaikum, Salam KPPKKSM dihatiku.

Saya Rosli b. Abdullah @ Ismail Pengurus KPPKKSM Cawangan Terengganu mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak ibupejabat yang bertungkus lumus mempertahankan perjawatan pemandu KKM dengan gandingan mantap dari exco-exco negeri.Atas usaha inilah ahli ahli di seluruh negara dapat mengecapi kemanisan dalam menjalankan tugas seharihan.

Saya bersama ahli cawangan Terengganu mengucapkan selamat maju jaya dalam perjuangan kesatuan kepada kepimpinan Tertinggi KPPKKSM.

Sekian terima kasih. KPPKKSM Cawangan Terengganu.

BERITA

Kesatuan Pemandu-Pemandu Kementerian Kesihatan Semenanjung Malaysia

UCAPAN PENGURUSI NEGERI

Suara KPPKKSM edisi 2017



PENGURUSI CAWANGAN NEGERI PERAK

Assalamualaikumwarahmatullahhiwabarakatuh. Salam kesatuan

Untuk semua barisan Ibupejabat,Exco-Exco Negeri,Ajk Cawangan Seluruh Malaysia dan tidak dilupakan kepada seluruh ahli-ahli kesatuan yang disayangi semua.Bersyukur kehadrat ilahi dengan limpah kurnianya dapat kita menikmati kesyukuran dan kemakmuran dalam menjalani kehidupan seharian.Dengan limpah kurnianya juga KPPKKSM menuju ke arah kegemilangan ke puncak kejayaan serta disegani rakan dan taulan.Kejayaan yang diusahakan barisan ibupejabat dapat memartabatkan kita pemandu KKM dengan berbagai kebajikan akan disusuli kemudian.Penarafan semula susunan barisan ibupejabat dengan barisan yang mantap,Pemakaian Pakaian Seragam,Kenaikan Pangkat H11 ke H14,Kebajikan untuk yang masuk keluar hospital,Pesara-Pesara dan kematian ahli semua diambil kira.Kalau hendak dinilai rasanya ini adalah barisan yang TERBAIK.Amanah yang diberikan tidak disia-siakan malah kita patut bersyukur dan bertuah dengan pucuk pimpinan sekarang.Peranan kita semua adalah bagi membantu dan melengkapi semua pimpinan sekarang.Peranan kita semua adalah bagi membantu dan melengkapi semua usaha mereka.Jangan banyak persoalkan apa yang telah mereka lakukan dan sebaliknya tanya apa kita telah lakukan.

Saya sebagai Pengurus Cawangan Negeri Perak dan semua ahli berdiri teguh dibelakang Barisan Ibupejabat dalam apa juga rintangan yang datang.Jutaan terima kasih dari kami atas segala usaha bearisan ibupejabat selama ini.Setiap kelemahan akan kami perbaiki.Kami juga memohon ampun dan maaf sekiranya ada kesilapan dan kelemahan yang tidak disengajakan.Tahniah sekali lagi untuk Barisan Ibupejabat.

Sekian Terima Kasih.

PENGURUSI CAWANGAN NEGERI MELAKA

Assalamualaikum swt, Salam 1 Malaysia.

Setinggi kesyukuran saya dipanjangkan ke hadrat ilahi kerana dengan limpah kurnianya kita dapat bersama-sama ke Majlis Mesyuarat Agung Perwakilan KPPKKSM sesi 2017-2020.Pertamanya ingin saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua ahli kesatuan KPPKKSM yang memberi kepercayaan tugas yang diamanahkan serta menggalas tanggungjawab bagi memacu kejayaan agar terus berada dipuncak kegemilangan,sekalung tahniah kepada ibupejabat yang terlibat dalam memperjuangkan nasib ahli ahli kesatuan semuanya.Namun tanpa pihak ibupejabat yang berkualiti berfikiran konstruktif dan berjiwa murni adalah sukar untuk kita menjayakan sebarang penambahbaikan kesatuan.Oleh itu saya mengharapkan ahli ahli menerusi perubahan pemikiran,tindakan dan budi pekerti,nilai murni tambah kepada mutu perkhidmatan yang sedia ada dapat ditingkatkan.

SEMOGA MAJU JAYA KEPADA KESATUAN PEMANDU PEMANDU KEMENTERIAN KESIHATAN SEMENANJUNG MALAYSIA

Sekian terima kasih. Ibrahim b. Kasim Pengurus KPPKKSM Cawangan Melaka.



BERITA

Kesatuan Pemandu-Pemandu Kementerian Kesihatan Semenanjung Malaysia

UCAPAN PENGERUSI NEGERI

Suara KPPKKSM edisi 2017



PENGERUSI CAWANGAN NEGERI SELANGOR / W.PERSEKUTUAN

.Assalamualaikum wbt

Syukur Alhamdulillah dipanjatkankehadrat ilahi kerana saya masih diberikan kepercayaan menggalas jawatan Pengurusisesi 2017-2020 bagi cawangan Negeri Selangor dan W.Persekutuan.

Kesatuan adalah medan serta inisiatif yang baik dalam mencari hala tuju,pembelaan,kebaikan ahli disamping ianya dapat mempertabatkan profesiion pemandu kearah yang terbaik terus kekal relevan masa kini dan selamanya.Jesteru itu harapan saya supaya pemandu dibawah KKM dari seluruh negeri dapat membuka mata,kredibiliti pemikiran dan profesionalisme melibatkan diri sebagai keahlian kesatuan.Kerana kesatuan yang mampan adalah bergantung kepada ramainya keahlian bagi menyuarakan hak supaya dapat didengari diperingkat tinggi.Ibarat pepatah “Bulat air kerana pembetung,bulat kata kerana muafakat”.Syabas dan tahniah diucapkan kepada pegawai ibupejabat dan exco sesi 205-2017 kerana usaha dalam menaik taraf skim perkhidmatan dan menjaga kebaikan ahli serta kepentingan kesatuan.Ucapan penghargaan juga saya ucapkan kepada barisan ibupejabat yang sentiasa bekerja keras dalam urus tadbir kesatuanmencari pembaharuan perjalanan kesatuan ini kearah yang terbaik dari yang baik.

Semoga kejayaan yang kita perolehi dimasa ini adalah titik tolak dimasa yang akan datang dengan mendokong visi,misi dan objektif KPPKKSM.

Sekian terima kasih

“Kami Bukan Yang Pertama Tapi Kami adalah Yang Terbaik”

PENGERUSI CAWANGAN NEGERI PULAU PINANG



Assalamualaikum wbt.Salam sejahtera.Salam satu Malaysia..

Saya Jamaludin bin Mad Arif selaku Pengerusi KPPKKSM cawangan Negeri Pulau Pinang mengucapkan jutaan terima kasih kepada pucuk pimpinan dan ahli jawatankuasa tertinggi KPPKKSM kerana sentiasa bertungkus-lumus tidak mengenal erti penat dan jemu dalam memperjuangkan nasib pemandu.harapan saya,marilah kita bersama-sama terus bersatu dan berganding bahu dalam meneruskan usaha menyelesaikan segala isu dan permasalahan.Apa yang penting kita haruslah menjalankan tugas kita dengan penuh bertanggungjawab,telus dan ikhlas bagi menjaga nama

Pengerusi KPPKKSM

Cawangan Pulau Pinang

BERITA

Kesatuan Pemandu-Pemandu Kementerian Kesihatan Semenanjung Malaysia

UCAPAN PENGERUSI NEGERI

Suara KPPKKSM edisi 2017



PENGERUSI CAWANGAN NEGERI SEMBILAN

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Segala puji bagi allah yg mentadbir seluruh alam dan selawat dan salam jujungan Nabi Muhammad SAW dan seluruh pejuang kesatuan pmd barisan ibu pejabat exco dan ahli ahli kesatuan pemandu Bersyukur saya kehadrat Allah kerna dgn izin Allah saya telah di lantik dan diberi kepercayaan oleh ahli kesatuan pmd cawangan N9 utk meneraju kepimpinan cawangan N9 sekali lagi pada tri tahunan yg lepas 2017-2020

saya mengucapkan ribuan terima kasih sekali lagi pada ahli kesatuan dan terima kasih juga saya ucapkan pada barisan ibu pejabat dan exco exco kerana sentiasa memberi semagat dan tunjuk ajar pada exco ajk cawangan N9 terima kasih sekali lagi saya ucapan

Saya mencupakkan kpd semua ahli kesatuan pmd khas nya N9 yg masih lagi memberi kepercayaan pada saya utk menerajui kesatuan cawangan N9 sebagai pengurus walau apa pun segala usaha ini tidak lah semudah yg di jangkakan dan tanpa kerja sama ahli ajk dan ahli ahli kesatuaperjuaan kejayaan ini tidak akan berhasil

Saya berharap agar keahlian N9 akan terus bertambah dari masa ke semasa demi memantapkan kesatuan di N9 khas nya dan seluruh semananjungnya Amnya.

Pengerusi KPPKKSM Cawangan Negeri Sembilan

MENYAMPAIKAN CENDERAHATI PENGHARGA'AN



PRESIDEN (En Shamsuddin Menyampaikan Cenderahati kepada Pen-ceramah. Pada: 12 Ogos 2017

SETIAUSAHA AGUNG (En Roestam Menyampaikan Hadiah kepada AJK yang memimpin kesatuan cawangan. Pada: 21 Mei 2017

PRESIDEN (En Shamsuddin Menyampaikan Cenderahati kepada YAB DATUK HJ AZIZ BIN MUDA Presiden CUEPACS MALAYSIA. Pada: 1 April 2017

BERITA

Kesatuan Pemandu-Pemandu Kementerian Kesihatan Semenanjung Malaysia

AKTIVITI KESATUAN

Suara KPPKKSM edisi 2017

MESYUARAT AGUNG DWI TAHUNAN KPPKKSM DI PARIT RAJA BATU PAHAT JOHOR Pada: 27 November 2015



Pegawai-pegawai kesatuan dari semua negeri yang terlibat dalam Mesyuarat Agung Tri Tahunan diParit Raja Batu Pahat, Johor bergambar bersama-sama, pegawai Ibupejabat.



Presiden KPPKKSM En Shamsuddin bersama Exco Pulau Pinang & Pahang.

Wakil dari Negeri Sarawak Pengerusi nya EN FANDY



PRESIDEN CUEPACS

" Datuk AZIH BIN MUDA memukul Gong merasmikan MATTKPPKKSM "



Tim Menteri Pengangkutan Malaysia YB Datuk Hj AZIZ BIN KARPAWI selaku VIP Jemputan bersalaman dengan peserta larian 10000 langkah di Parit Raja Batu Pahat Johor .
Pada: 28 November 2015

BERITA

Kesatuan Pemandu-Pemandu Kementerian Kesihatan Semenanjung Malaysia

SEKITAR MESYUARAT AGUNG TRI TAHUNAN KESATUAN

Suara KPPKKSM edisi 2017

MESYUARAT EXCO DI WISMA CUEPACS KUALA LUMPUR Pada: 03 March 2016



Pegawai IbuPejabat Serta EXCO Negeri
Mesyuarat EXCO di KOLEJ SAINS
KESIHATAN BERSEKUTU ULU KINTA,
IPOH PERAK.
Pada: 08 Oktober 2016



Menziarahi Sahabat Pemandu yang telah pergi
buat selama-lamanya AL-FATIHAH
Pada: 12 Oktober 2016



Kesatuan pemandu membantu Ahli apa
yang terdaya buat ahli-ahlinya.

BERITA

Kesatuan Pemandu-Pemandu Kementerian Kesihatan Semenanjung Malaysia

SEKITAR MESYUARAT AGUNG TRI TAHUNAN KESATUAN

Suara KPPKKSM edisi 2017

MESYUARAT AGUNG TRI TAHUNAN KPPKKSM DI HOSPITAL PERMAI CAWANGAN NEGERI- JOHOR Pada: 6 Jun 2017



Timbalan Pengarah Kesihatan (Perubatan) Dr IZAM menyampaikan Cenderahati kepada Puan Pengarah Maktab Temenggong Ibrahim Johor Bahru.



MESYUARAT AGUNG TRI TAHUNAN CAWANGAN
NEGERI PAHANG Pada:

Menghadiri Kes Mediasi di Mahkamah Sesyen SEREMBAN “ Pada: 22 Ogos 2017

SUA En Roestam & Pengurus Perak Tn Harun bersama dengan peguam yang menyebut Kes Saman Fitnah.



MESYUARAT AGUNG TRI TAHUNAN CAWANGAN NEGERI PERAK
Pada: 15 April 2017

BERITA

Kesatuan Pemandu-Pemandu Kementerian Kesihatan Semenanjung Malaysia

SEKITAR MESYUARAT AGUNG TRI TAHUNAN KESATUAN

Suara KPPKKSM edisi 2017

MESYUARAT EXCO DI TERMELOH PAHANG Pada: 12 Ogos 2017



MESYUARAT AGUNG TRI TAHUNAN BAGI CAWANGAN NEGERI PERLIS

Pada: 21 Mei 2017



MESYUARAT AGUNG TRI TAHUNAN Bagi Negeri KELANTAN Pada: 08 Julai 2017

BERITA 5

Kesatuan Pemandu-Pemandu Kementerian Kesihatan Semenanjung Malaysia

SEKITAR MESYUARAT AGUNG TRI TAHUNAN KESATUAN

Suara KPPKKSM edisi 2017

MESYUARAT AGUNG TRI TAHUNAN NEGERI MELAKA Pada: 13 Mei 2017



MESYUARAT AGUNG TRI TAHUNAN BAGI CAWANGAN NEGERI P.PINANG Pada: 20 Mei 2017



MESYUARAT AGUNG TRI TAHUNAN BAGI CAWANGAN NEGERI KEDAH Pada: 19 Mei 2017



BERITA

Kesatuan Pemandu-Pemandu Kementerian Kesihatan Semenanjung Malaysia

SEKITAR MESYUARAT AGUNG TRI TAHUNAN KESATUAN

Suara KPPKKSM edisi 2017

PERJUMPAAN PRESIDEN CUEPACS BERSAMA PENJAWAT AWAM DAERAH KULAI.

Pada: 08 Mei 2017



“ SAMBUTAN
HARI PERKERJA “
Pada: 01 Mei 2017

MESYUARAT AGUNG TRI TAHUNAN BAGI
CAWANGAN SELANGOR & WILAYAH
PERSEKUTUAN
Pada: 29 April 2017



BERITA

Kesatuan Pemandu-Pemandu Kementerian Kesihatan Semenanjung Malaysia

SEKITAR MESYUARAT AGUNG TRI TAHUNAN KESATUAN

Suara KPPKKSM edisi 2017



MESYUARAT AGUNG TRI TAHUNAN BAGI CAWANGAN NEGERI SEMBILAN

Pada: 22 April 2017

SEKALUNG BUDU



Terbitan Bahagian Unit ICT KPPKKSM



BERITA

Kesatuan Pemandu-Pemandu Kementerian Kesihatan Semenanjung Malaysia

AKTIVITI KPPKKSM YANG DIUSAHKAN TELAH TERCAPAI

Suara KPPKKSM edisi 2017



PENCAPAIAN DAN KEJAYAAN KPPKKSM SEJAK 2012

- ◆ Empat negeri berjaya di pulihkan.
Berjaya hentikan pemotongan insuran.
- ◆ Berjaya hentikan kenaikan pemotongan insuran dari Rm30.00 kepada Rm50.00.
Berjaya memasukan pemotongan yuran ahli 1 ½ yang tidak masuk, dan masukkan semula kepada cawangan.
Berjaya mendapatkan sijil pengesahan pendaftaran KPPKKSM (No.Pend.382) dari Ibupejabat Jheks Putrajaya.
- ◆ Berjaya bergabung semula dengan CUEPACS.
Berjaya tiada sekatan gaji maximum.
Berjaya dalam tuntutan upah jahit Rm 690.00 terus ke dalam akaun dan elauan kasut Rm 300.00.
- ◆ Berjaya pertukaran warna kain seluar pada 2017.(Hitam)
Berjaya untuk kenaikan dari R3-R6 kepada H11- H14 Tambahan 2 Lapisan Gred H16 dan H18 dalam Resionalisasi 252 Skim Perkhidmatan Awam.
- ◆ Berjaya mengendalikan seminar untuk cawangan cawangan ,dapat kelulusan KKM kepada Ibupejabat KPPKKSM.
Berjaya dalam suara KPPKKSM ke KKM.
Separuh berjaya menyelesaikan masalah ahli.
- ◆ Berjaya bergabung dengan Kesatuan Pemandu Pemandu Kementerian Kesihatan Sarawak.
Yang terbesar berjaya dengan cemerlangnya,mengadakan Sambutan Jubli Emas Penubuhan KPPKKSM yang ke 50 tahun di Batu Pahat,Johor.
- ◆ Berjaya mendapat kelulusan dari Ibupejabat Jheks Putrajaya daripada Persidangan Dwi Tahunan kepada Persidangan Tri Tahunan.
- ◆ Skim Baru Perkhidmatan Awam (SBPA / Pembantu Operasi) dibatalkan.
Gaji Minimum RM1200.00.

“ Amanah,Telus dan Ikhlas ”

“ Kebajikan Di Utamakan, Produktiviti Di Tingkatkan”